

# **EMBARGO**

**TEKS UCAPANINI TIDAK  
DIBENARKANSAMA SEKALI UNTUK  
DIHEBAHKANKEPADAUMUM  
SEHINGGA IANYA DIBENTANGKAN  
DI DALAM MESYUARAT MAJLIS  
KHAS (BAJET 2020) PADA  
25 SEPTEMBER 2019  
JAM 12.00 TENGAHARI**



**UCAPAN**

**BAJET**

**TAHUN 2020**



## UCAPAN BAJET 2020

### 1. PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana atas limpah kurnia, rahmat serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada hari ini untuk saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2020.
  
- 1.2 Proses penyediaan Bajet 2020 telah bermula pada 5 hingga 9 Ogos 2019 di peringkat jabatan dan telah dipengerusikan oleh Tuan Timbalan Datuk Bandar. Seterusnya, pembentangan Cadangan Bajet 2020 bersama Ahli Majlis pada 17 September 2019 dan pada 24 September 2019 telah diadakan. Pembentangan Cadangan Bajet 2020 juga telah diadakan bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor pada 20 September 2019 yang memfokuskan kepada Perbelanjaan Pembangunan bersama Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap. Setelah melalui proses yang sangat terperinci maka pada hari ini dibentangkan Cadangan Bajet Tahun 2020 untuk kelulusan.

- 1.3 Penyediaan Bajet 2020 ini disediakan berdasarkan kepada pemerhatian pegawai dan kakitangan Majlis yang sentiasa memantau keadaan semasa. Selain itu, ia juga berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima oleh Majlis melalui Sistem Aduan dan aduan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis kawasan, ADUN dan Ahli Parlimen. Pihak jabatan akan menentukan keutamaan pembaikan dan kos pembaikan sesuatu aktiviti. Jika ia boleh dibuat di dalam tahun semasa, ia akan diselesaikan dalam tahun semasa. Jika ia melibatkan kos yang tinggi, ia perlu dibuat kajian yang lebih terperinci dan perlu diperuntukan di dalam bajet tahunan. Majlis akan berusaha untuk memastikan setiap aduan yang dibangkitkan diselesaikan dengan kadar segera.
  
- 1.4 Bukan setakat berdasarkan kepada aduan dan pemerhatian Majlis sahaja yang diambilkira di dalam penyediaan bajet kali ini, Majlis juga menerima pandangan/idea daripada penduduk secara *online* melalui portal khas Cadangan Bajet 2020 yang dibuka mulai 12 September hingga 25 September 2019. Majlis juga telah mengadakan sesi '*Town Hall*' Dialog Bajet Tahun 2020 Bersama Ahli Majlis, Persatuan Penduduk/ Kawasan Rukun Tetangga (KRT)/ NGO pada 19 September 2019. Pertemuan secara langsung ini juga telah memberikan Majlis pandangan/idea yang baru mengenai penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh Majlis.

- 1.5 Penyediaan Bajet 2020 telah menggunakan kaedah *Zero Based Budgeting (ZBB)* berbanding kaedah *Modified Budgeting System (MBS)* yang telah digunakan oleh Majlis sejauh ini. Perubahan kaedah penyediaan Bajet 2020 ini adalah kerana Majlis ingin menyediakan bajet yang benar-benar diperlukan berdasarkan kemampuan kewangan Majlis pada tahun 2020. Setiap perincian permohonan perbelanjaan disemak dengan teliti berdasarkan keperluan dan prestasi sebenar perbelanjaan tahun 2018 dan 2019.
- 1.6 Cadangan Bajet 2020 disediakan berdasarkan kepada *priority based budgeting* iaitu keutamaan kepada perbelanjaan yang komited, perbelanjaan menaiktaraf dan projek-projek sambung yang belum selesai. Pada tahun 2020, anggaran kutipan hasil adalah berdasarkan kepada kutipan sebenar yang boleh dikutip dan Majlis akan berusaha untuk mencari ruang seluas mungkin supaya kutipan hasil boleh ditingkatkan melalui penyusunan dan pemantauan tatacara kutipan hasil. Langkah ini amat penting dan perlu diambil tindakan bagi memastikan kedudukan kewangan Majlis sentiasa kukuh.
- 1.7 Pada tahun 2020 Majlis akan mengambil pendekatan berbelanja secara berhemah dan memberi fokus kepada amalan budaya menyelenggara dengan menumpukan kepada kerja-kerja *back to basic* bagi perkhidmatan penyelenggaraan jalanraya, sistem saliran, pencahayaan bandar,

menaiktaraf dewan serta program penghijauan bandar. Di samping itu, Majlis akan juga meneruskan lagi program-program pembangunan masyarakat dan sosial melalui program keselamatan yang melibatkan penduduk bagi mengurangkan kadar jenayah di Petaling Jaya. Langkah ini diharapkan akan dapat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya yang selamat dan sejahtera untuk didiami.

- 1.8 Selain itu, sebagai penyedia perkhidmatan, Majlis sangat peka untuk menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan kelancaran lalulintas, penguatkuasaan dan lain-lain dengan lebih berkesan supaya dapat memenuhi ekspektasi masyarakat yang membayar cukai.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

## 2. TEMA BAJET 2020

- 2.1 Bajet tahun 2020 yang dibentangkan adalah bermatlamat untuk menjadikan kawasan pentadbiran Majlis dibangunkan menjadi sebuah bandaraya berdayasaing dengan imej dan urustadbir baik serta persekitaran yang harmoni dan sejahtera. Selaras dengan rangka kerja pembangunan mampan jangkamasa panjang “*Sustainable Petaling Jaya 2030*” yang menetapkan 5 hala tuju utama iaitu “**alam sekitar**”,

“ekonomi berdaya saing”, “budaya dan komuniti”, “habitat berdayahuni” dan “urus tadbir baik”. Majlis pada tahun 2020 akan menumpukan kepada pembangunan prasarana seperti jalan, perparitan dan saliran serta perkhidmatan perbandaran seperti perkhidmatan landskap dan kebersihan di seluruh kawasan Petaling Jaya kerana ia adalah tunjang utama perkhidmatan Majlis.

- 2.2 Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2020 adalah bertemakan '**Bandaraya Berdayatahan**'. Bandaraya berdayatahan bermaksud bandaraya yang mempunyai pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan serta tidak menjelaskan keadaan alam sekitar, mempunyai infrastruktur dan pengurusan lalulintas yang baik serta pembangunan yang mampan, bukan sahaja untuk generasi semasa, malah untuk generasi akan datang. Ia dibentuk berdasarkan konsep dan prinsip pembangunan berterusan. Bermatlamatkan untuk memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keupayaan generasi akan datang.
  
- 2.3 Berdasarkan tema ini, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan dan kesempurnaan, kerancakan (*vibrant*), berdayahuni, rekabentuk sejagat (*universal design*), ‘*value for money*’, kemudahsampaian, penyediaan perkhidmatan mampu bayar dan efisyen selaras dengan wawasan ‘*PJ Sustainable 2030*’.

2.4 Bandaraya berdayatahan yang dicadangkan ini akan memfokuskan kepada empat pengurusan *back to basic* seperti berikut:-

- i. Pengurusan Infrastruktur dan Kemudahan Awam
- ii. Pengurusan Taman, Padang dan Landskap
- iii. Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan dan Kesihatan Persekutuan
- iv. Pengurusan Keselamatan Bandar, Sosial dan Kemasyarakatan

### 3. FOKUS BAJET 2020

#### 3.1 Pengurusan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

3.1.1 Selaras dengan tema Bajet 2020, fokus utama Majlis adalah untuk memastikan pengurusan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan pentadbiran Petaling Jaya berada di dalam keadaan yang memuaskan. Program menaiktaraf jalanraya, sistem saliran, sistem pencahayaan dan kemudahan awam menjadi keutamaan Majlis pada setiap masa. Walaupun berhadapan dengan kekurangan sumber hasil, Majlis tetap

berusaha memastikan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur di beri penekanan.

- 3.1.2 Majlis pada tahun 2020 bercadang untuk menaiktaraf jalan dan perparitan di Jalan PJS3/40, PJS 3 untuk mengatasi masalah banjir yang disebabkan oleh pemendapan tanah di kawasan berkenaan. Projek ini dicadangkan dengan anggaran bajet berjumlah RM4 juta. Selain itu, Majlis juga memperuntukan RM2 juta bagi mengatasi masalah banjir di SS7/18 dengan menaiktaraf tebatan banjir di SS5A/18 dan juga tebatan banjir di parit hujan lebat Jalan Sg. Jernih 8/1 – Jalan Templer (Fasa 1). Selain projek yang telah dikenalpasti tempatnya, Majlis juga memperuntukan RM1 juta bagi penyelenggaraan longkang yang tidak berjadual.
- 3.1.3 Program penyelenggaraan jalan akan diteruskan dengan kos penyelenggaraan adalah RM3.7 juta yang meliputi kerja menurap lorong belakang dan lorong tepi, pembelian batu jalan yang akan dibuat secara *in-house* oleh pasukan *Road Geng*, penyelenggaraan kontrak tahunan di sekitar Petaling Jaya dan juga penyelenggaraan membaiki pejalan kaki dan bebendul jalan. Untuk makluman semua, Majlis juga dianggarkan akan menerima

Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris) berjumlah RM30 juta pada tahun 2020.

- 3.1.4 Program bagi menaiktaraf lalulintas diteruskan dengan kos penyelenggaraan berjumlah RM2.3 juta dengan melibatkan kerja menaiktaraf perabot jalan dan garisan jalan. Majlis akan melaksanakan syor kajian di persimpangan Lebuh Bandar Utama BU12/1 dan BU12/7 dengan kerja-kerja yang akan dijalankan seperti pembinaan lorong susur, pembinaan bebendul jalan, pemindahan lampu jalan, mengecat garisan jalan dan juga pemasangan papan tanda isyarat. Kerja ini melibatkan kos sebanyak RM300,000. Selain itu, Majlis juga menaiktaraf tempat letak kereta berhampiran Stesen LRT Asia Jaya yang mana projek ini telah bermula pada tahun 2019 dan bersambung ke tahun 2020 melibatkan kos pada tahun 2020 adalah RM400,000.
- 3.1.5 Majlis pada tahun 2020 juga memberi tumpuan untuk menaiktaraf cerun di kawasan Petaling Jaya. Untuk itu RM2.5 juta diperuntuk untuk kerja-kerja pembaikan dan penstabilan tembok penahan di Jalan Kenanga SD 9/9, Bandar Sri Damansara dan kawasan cerun batuan di Tepi Jalan Damar SD 15/6, Bandar Sri Damansara.

3.1.6 Majlis memperuntukan RM8.5 juta bagi menaiktaraf kemudahan awam seperti berikut :-

- i. Pembangunan pasar berbumbung di Jalan SS2/62, SS2 (projek sambung);
- ii. Kerja dan pemasangan lif di Kompleks Letak Kereta A & C, Pusat Bandar Seksyen 52 (projek sambung);
- iii. Ubahsuai kaunter utama ibupejabat MBPJ (projek sambung);
- iv. Menaiktaraf *Curtain Wall* di Menara MBPJ;
- v. Menaiktaraf Pasar Seri Setia; dan
- vi. Kontrak panel bagi penyelenggaraan keseluruhan bangunan Majlis.

3.1.7 Menaiktaraf kemudahan awam tidak hanya melibatkan pasar dan gerai tetapi melibatkan juga dewan-dewan Majlis. Majlis memperuntukkan RM500,000 untuk memastikan dewan Majlis dibekalkan dengan sistem penghawa dingin yang baik.

3.1.8 Selain itu, Majlis juga menaiktaraf bekalan kuasa elektrik di Dewan Komuniti BU3 dan di PJ Eco Recycling Plaza dengan anggaran RM1juta. Majlis juga akan meneruskan program menaiktaraf lampu jalan/lampu isyarat dan juga peralatan '*Trafic Management Centre*' yang berjumlah RM4 juta.

3.1.9 Dengan peruntukan yang disediakan ini, saya berharap infrastruktur dan kemudahan awam di Petaling Jaya memenuhi espektasi stakeholder di Petaling Jaya.

## 3.2 Pengurusan Taman, Padang dan Landskap

### 3.2.1 Menaiktaraf Padang Dan Taman

Taman Tasik Jaya merupakan mercu tanda di bandar Petaling Jaya yang mempunyai keluasan 15 ekar dibina pada awal tahun 60-an semasa pentadbiran Lembaga Bandaran Petaling Jaya. Di taman ini terdapat sebuah kolam yang meliputi satu pertiga daripada keluasan taman untuk menakung limpahan air longkang dari sekitar kawasan Seksyen 5 dan Seksyen 10.

Kewujudan taman tasik ini memberi kemudahan rekreasi bukan sahaja kepada masyarakat Petaling Jaya tetapi juga pengunjung daripada luar Petaling Jaya. Namun begitu, Majlis memandang serius usaha penyelenggaraan dan pembaikpulihan Taman Tasik Jaya. Untuk maksud itu, Majlis memperuntukan sejumlah RM 4 juta untuk menyegerakan kerja-kerja menaiktaraf tebing tasik, sistem perparitan, sistem “water gate” dan kerja-kerja “desilting” di Taman Tasik Jaya.

Selain itu, Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM 1 juta untuk menaiktaraf kemudahan rekreasi, laluan pejalan kaki dan sistem saliran kepada Jabatan Landskap seperti pecahan berikut :

- a. Sejumlah RM 350,000 diperuntukkan kepada kawasan lapang di Flat Gugusan Dedap, Jalan Kenyalang 11/1 untuk kerja-kerja menaiktaraf peralatan permainan, laluan pejalan kaki dan sistem saliran;
- b. Sejumlah RM 650,000 diperuntukkan kepada kawasan lapang di Flat Medan Cahaya, Jalan PJS 2C/2 untuk kerja-kerja menyelenggara kawasan padang, laluan pejalan kaki dan membina longkang.

### **3.2.2 Program Penghijauan**

Majlis memperuntukkan RM 100,000 bagi tahun 2020 untuk melaksanakan program-program penghijauan di sekitar Petaling Jaya. Pelaksanaan program ini akan memberi manfaat kepada kawasan hijau sebagai pembekal biodiversiti, kitaran oksigen dan karbon, habitat kepada hidupan liar semakin menurun disebabkan proses urbanisasi dan pembangunan yang pesat.

Melalui program ini, Majlis akan memberikan keutamaan kepada aktiviti-aktiviti penghijauan yang melibatkan kerja-kerja pengindahan landskap ke atas kawasan lapang, zon penampan, koridor hijau yang diceroboh secara haram.

### **3.2.3 Penyelenggaraan Landskap Dan Kemudahan Awam**

Perkhidmatan penyelenggaraan landskap adalah antara perkhidmatan teras yang disediakan oleh Majlis untuk mewujudkan suasana persekitaran semulajadi dengan tumbuh-tumbuhan menghijau dan memastikan persekitaran bandaraya indah serta kondusif untuk didiami, bekerja dan beriadah.

Menyedari betapa pentingnya pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dalam usaha mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang kondusif untuk memberi manfaat kepada kehidupan warga Petaling Jaya, Majlis memperuntukkan sejumlah RM12.949 juta untuk menyelenggara 38 kawasan landskap yang komprehensif meliputi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta melupuskan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang.

Bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan penyelenggaraan di taman-taman awam, Majlis buat julung kalinya telah menyediakan peruntukan khas sejumlah RM 4.28 juta bagi memfokuskan kepada kerja-kerja penyelenggaraan di 15 buah taman awam. Kaedah yang lebih komprehensif ini didapati lebih berkesan dan memudahkan pemantauan kerja yang terlibat terhadap semua aspek penyelenggaraan landskap di kawasan liputannya.

Selain dari itu Majlis juga memastikan perabot dan kemudahan sediada di dalam taman dan sekitar Petaling Jaya berada di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Bagi tujuan tersebut sejumlah RM 3,100,000 diperuntukkan untuk dilantik 15 kontraktor panel untuk membantu Majlis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan berdasarkan kepada penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna.

### **3.2.4 Pembudayaan Landskap**

Program Pembudayaan Landskap merujuk kepada program yang dijalankan khusus untuk penduduk/komuniti yang tinggal di sekitar Petaling Jaya. Program ini adalah satu inisiatif untuk

menyokong pembangunan Local Agenda 21 yang telah dilaksanakan oleh Majlis sejak sekian lama.

Sejumlah RM 300,000 disediakan untuk program Pembudayaan Lanskap bersama komuniti bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan landskap melalui program Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang telah mendapat tempat di kalangan penduduk.

Perancangan Program Pembudayaan Lanskap bagi tahun 2020 merangkumi 3 program utama iaitu Program Kawasan Lapang Angkat, Program Kebun Kejiranan Komuniti dan Pertandingan/ Bengkel/ Aktiviti Komuniti yang menjurus kepada pembentukan komuniti mampan melalui penerapan aktiviti-aktiviti berdasarkan landskap dalam kehidupan seharian penduduk Petaling Jaya.

### **3.3 Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan dan Kesihatan Persekutaran**

Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam merupakan kos yang paling tinggi yang perlu ditanggung oleh Majlis. Majlis akan memperuntukkan sebanyak RM86 juta bagi tujuan pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2020. Daripada pecahan tersebut, sejumlah RM55 juta ataupun 64% adalah dibayar kepada

perkhidmatan yang diuruskan oleh *Project Management Company*, iaitu KDEBWM, sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor diikuti dengan anggaran RM8.4 juta bagi bayaran fi pelupusan sampah manakala RM7.6 juta untuk pembayaran perkhidmatan pembersihan bangunan awam termasuk pasar dan medan selera. Selaras dengan itu, Majlis menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan memastikan piawaian dan spesifikasi kerja kontraktor adalah mematuhi tahap perkhidmatan yang ditetapkan dengan penekanan kepada kebersihan dan keceriaan Bandaraya Petaling Jaya.

Pada masa yang sama, sejumlah RM100,000 akan diperuntukkan untuk menganjurkan kursus kemahiran pengurusan pembersihan pasar dan medan selera awam demi meningkatkan tahap professionalisma kontraktor. Sejumlah RM150,000 adalah diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan kebuk sampah dan kemudahan-kemudahan berkaitan. Bagi tujuan tersebut, selain daripada elemen kebersihan umum, satu paradigma baru diperkenalkan bukan saja di bangunan kebuk sampah, malah pasar, medan selera, hab bas dan lain-lain di mana aspek keceriaan menerusi hiasan lukisan, struktur kesenian berasaskan barangkit semula dan elemen lanskap akan diberi fokus.

Tahun 2020 akan menyaksikan pengurusan 3R diperkasakan dan diperluaskan selaras dengan skop definisi ekonomi kitaran ataupun *circular economy* seperti yang termaktub di bawah perenggan 70, *New Urban Agenda dan Sustainable Development Goals* ataupun SDG ke 12, iaitu *responsible production and consumption*. Konsep ini menyarankan kepada penggunaan sumber secara optima, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa hasilan daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barang. Ini bukan sahaja terhad kepada sisa sampah, tetapi sumber lain seperti tenaga dan air. Majlis akan meneruskan usaha mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaan sampah serta penstoran dan rawatan menerusi strategi 3R, perubahan paradigma minda masyarakat dan aplikasi teknologi hijau yang lebih giat. Majlis akan memperuntukkan sebanyak RM180,000 melalui program publisiti dan kempen. Program termasuk Jalinan Kasih 3R PJKITA, *Spring Cleaning*, Pengkomposan Sisa Makanan, Pengasingan Sampah di sumber dan Kempen *Waste Warriors* adalah bertujuan untuk memupuk semangat Sisa Sifar dan nilai kitar semula dikalangan masyarakat dan semua pemegang taruh lain demi mencapai sasaran PJ Mampan 2030 dan Masyarakat Sisa Sifar 2030, di samping pengurangan kos pelupusan sampah.

Pada masa yang sama, selain daripada barang kitar semula seperti kertas, aluminium, logam dan kaca yang biasa dikutip, bahan lain seperti

kotak minuman, *styrofoam*, minyak masak terpakai, kelapa, plastik dan sisa elektronik isirumah turut akan diberi perhatian. Sejumlah RM300,000 akan diperuntukkan bagi melengkapi keperluan elektrik di *PJ Eco Recycling Plaza* di SS8 demi memantapkan lagi plaza ini sebagai hab pembelajaran berkenaan kitar semula dan pemprosesan hasilan *upcycle* di bawah konsep *circular economy*. Plaza ini yang menjadi penanda aras dalam sektor 3R di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dijangka akan mula menerima kunjungan awam pada awal tahun 2020.

Bagi memperkasakan lagi pengasingan sampah domestik yang merbahaya terutamanya sisa buangan berjadual isirumah seperti bateri alat elektrik rumah, lampu dan bulb di bawah strategi 3R serta memenuhi keperluan rawatan sisa berjadual di tempat kerja Majlis selaras dengan OSHE dan ISO 14001, Majlis akan memperuntukkan RM200,000 bagi melengkapi perkhidmatan dan kemudahan rawatan sisa berjadual di samping memperkenalkan skim kitar semula *household E-Waste* secara berperingkat. Skim ini diharap akan dapat mendidik masyarakat berkenaan kepentingan sisa berjadual isirumah yang merbahayakan pekerja serta mencemar tapak pelupusan dan alam sekitar jika tidak diasingkan dengan sisa domestik.

Usaha memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya berkarbon rendah akan diteruskan selaras dengan *MBPJ's Carbon Management Plan 2015-2020* dan *Petaling Jaya City Climate Action Plan 2015-2025*. Bagi tahun 2019, selain daripada penarafan dua belian dianugerahkan kepada Bangunan Ibu Pejabat MBPJ oleh *GreenPASS*, SEDA telah diperolehi, pengiktirafan ke atas usaha Majlis bagi pencapaian status zon berkarbon rendah di Seksyen 13, 52, 8 dan 7 turut di atas landasan yang positif. Kerjasama dan rakan perkongsian dengan pemilik bangunan swasta di Zon tersebut akan dipergiatkan lagi pada tahun depan. Program lain termasuk keberkesanan tenaga menerusi program pemasangan lampu LED di merata kawasan Majlis, *auto metering* di Menara MBPJ, *smart ICT* dan pusat data hijau, e-pengurusan, program pengkomposan sisa dan 3R, penghijauan bandar serta *eco-mobility* yang mementingkan pengangkutan awam turut diberi fokus. Bagi tahun 2020, sejumlah RM480,000 diperuntukkan bagi memperkasakan lagi program *LCCF PJ*. Pemantauan pencapaian *LCCF PJ* akan diperkasakan lagi dengan program membina kapasiti daripada sokongan *GTALCC*, *SEDA* dan *UNDP*. Program meningkatkan tahap pemasangan tenaga pembaharuan suria berdasarkan konsep *NEM* akan diperkenalkan dengan sokongan *GTALCC* dan *UNDP*. Di samping itu, sejumlah RM250,000 akan diperuntukkan bagi program pengauditan tenaga, latihan *MS 1525* dan publisiti dalam segmen keberkesanan tenaga dan program pembaharuan tenaga suria bagi bangunan awam

dan lampu jalan. Skim rebat cukai taksiran yang menawarkan 100% atau RM500, mana yang lebih rendah kepada pemilik rumah mesra alam diteruskan dan MBPJ kekal sebagai Pihak Berkuasa Tempatan tunggal di Malaysia yang memberikan perakuan dalam bentuk rebat cukai kepada masyarakat yang mengamalkan gaya hidup mampan dan mengaplikasikan teknologi hijau. Disamping itu, skim meletak kereta secara percuma bagi pembeli kereta hibrid atau elektrik daripada kedai jualan di Petaling Jaya, pemasangan lampu LED di lorong belakang, pemberian tong kompos dan latihan di *Smart PJ Waste Solution Lab* secara percuma akan diteruskan.

Geran Komuniti bagi PJ Mampan ataupun dikenali sebagai *PJ SEED* yang julung kali diperkenalkan pada tahun ini akan diteruskan. Sehingga penghujung bulan Ogos 2019, sebanyak 90 permohonan telah diterima daripada organisasi penduduk, badan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi, sekolah dan sektor swasta di mana sebanyak 26 permohonan dengan amaun sejumlah RM380,000 telah diluluskan dan 25 permohonan masih di peringkat pertimbangan. Dalam erti kata lain, 49 permohonan telah ditolak dan antara punca tidak dipertimbangkan termasuk cadangan berbentuk projek infrastruktur, aktiviti sekali saja dan kajian ilmiah tanpa hasilan fizikal, impak kemampunan dan kesinambungan program yang tidak jelas, melibatkan pembayaran dan liputan hakcipta serta kumpulan sasaran di luar

kawasan pentadbiran Majlis. Seiring itu, satu kajian pasca Geran akan dijalankan demi memperkasakan lagi mekanisma dan skop program selaras dengan objektif asal Geran, iaitu memberikan bantuan kewangan permulaan kepada golongan masyarakat dan pemegang taruh lain bagi menjalani program dan aktiviti yang mampu mendorong meningkatkan prestasi Majlis ke arah *PJ Mampan 2030*. Ke arah tersebut, sejumlah RM1 Juta akan diperuntukkan bagi tahun 2020.

### 3.4 Pengurusan Keselamatan Bandar, Sosial dan Kemasyarakatan

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya yang mengandungi 4 aspek utama iaitu Keselamatan Persekutaran, Keselamatan Infrastruktur, Keselamatan Digital dan Pengurusan Keselamatan/Penguatkuasaan. Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya ini mengandungi strategi dan langkah-langkah pelaksanaan secara menyeluruh ke arah menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Selamat, Harmoni dan Sejahtera menjelang 2030 seperti berikut:-

- a. Pelaksanaan projek pemutihan kawasan “*Blackspot*” di kawasan perumahan bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, selesa dan harmoni. Kawasan *blackspot* ini merujuk kepada kawasan yang menimbulkan perasaan tidak selamat di kalangan

penduduk setempat terhadap ancaman jenayah dan keselamatan.

Program pemutihan ini melibatkan beberapa aktiviti dan tindakan terhadap empat sektor utama iaitu persekitaran, keselamatan, pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.

- b. Sektor persekitaran meliputi projek-projek menaiktaraf elemen Bandar Selamat, menambahbaik sistem pengurusan sampah, menerangkan pencahayaan di kawasan-kawasan gelap yang berpotensi jenayah, memperkasakan program pengindahan bandar, menaiktaraf akses laluan kendaraan dan memperkasakan penguatkuasaan secara bersepadu. Program-program keselamatan pula meliputi program-program rondaan dan kehadiran polis, mempertingkatkan kawalan keselamatan melalui pemasangan CCTV dan memperbanyakkan program kesedaran serta penglibatan penduduk terhadap keselamatan.
- c. Bagi pembangunan sosial pula, ia akan merangkumi program pembersihan pendatang tanpa izin dan operasi membanteras penagihan dadah secara bersepadu serta memperluaskan program kesedaran di kalangan belia dan penduduk terhadap permasalahan sosial.

Sehubungan itu, perancangan Program Bandar Selamat yang akan dilaksanakan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:-

- i. Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan hotspot;
- ii. Program “OSH in School (Program Keselamatan Sekolah) di dua buah sekolah iaitu SMK Taman Medan dan SMK Lembah Subang;
- iii. Pelaksanaan Pensijilan Siri Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001 : 2018; dan
- iv. Pelaksanaan Pensijilan Siri Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 : 2015.

*Kesihatan*  
Program ~~Pasaukan~~ Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) akan diteruskan pada tahun 2020. Pihak majlis telah memperuntukan sebanyak RM1.3 juta bagi meneruskan kesinambungan program PKKPJ kepada Persatuan Penduduk (RA) / Rukun Tetangga (RT) / Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi menubuhkan dan melaksanakan program-program keselamatan di peringkat komuniti masing-masing.

Pihak majlis juga menetapkan dan menggunakan 9 kriteria utama bagi tujuan menganalisa perlaksanaan program PKKPJ di peringkat Majlis untuk memastikan objektif program ini tercapai. Majlis akan terus

bekerjasama dan memberikan sokongan kepada RA/RT/JMB bagi mencapai maksud tujuan ini.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

#### 4. STRATEGI BAJET 2020

Bajet Majlis tahun 2020 dirangka berlandaskan kepada strategi berikut :-

4.1 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada:-

- i. Jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2019;
- ii. Jangkaan tambahan pegangan harta baru pada tahun 2020; dan
- iii. Pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.

**Nilaian tahunan dan kadar cukai taksiran adalah tidak berubah.**

Hasil cukai taksiran juga telah disemak semula berdasarkan unjuran pendapatan sebenar yang boleh dikutip pada tahun 2020. Oleh itu, mulai tahun 2020 Majlis tidak lagi mengambilkira pengecualian cukai yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada rumah kos rendah dan juga rumah kampung yang berjumlah RM5.8 juta.

| Butiran                               | 2019<br>RM         | 2020<br>RM         | Tambahhan/<br>(Kurangan) |             |
|---------------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------------|-------------|
|                                       |                    |                    | RM                       | %           |
| Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan | 23,285,420         | 17,405,730         | (5,879,690)              | (25.25)     |
| Denda & Kompaun                       | 17,235,200         | 19,145,300         | 1,910,100                | 11.08       |
| Sumbangan Negeri & Tempatan           | 700,000.00         | -                  | (700,000)                | (100.00)    |
| <b>Jumlah</b>                         | <b>116,751,540</b> | <b>121,576,560</b> | <b>4,825,020</b>         | <b>4.13</b> |

### 6.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

- i. Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan merupakan punca hasil yang tertinggi dikutip di bawah kategori Hasil Bukan Cukai iaitu berjumlah RM30.351 juta pada tahun 2020 berbanding RM29.522 juta pada tahun 2019.
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

| Butiran                                  | 2019              | 2020              | Tambahan/<br>(Kurangan) |             |
|--|-------------------|-------------------|-------------------------|-------------|
|  | RM                | RM                | RM                      | %           |
| Bayaran Proses Pelan                     | 3,550,000         | 3,302,600         | (247,400)               | (6.97)      |
| Bayaran Perkhidmatan                     | 44,800            | 66,000            | 21,200                  | 47.32       |
| Perkhidmatan Kubur                       | 397,500           | 330,190           | (67,310)                | (16.93)     |
| Kolam Renang                             | 430,000           | 430,000           | -                       | -           |
| Perkhidmatan Letak Kereta                | 19,081,160        | 19,316,000        | 234,840                 | 1.23        |
| Yuran                                    | 2,054,100         | 2,226,700         | 172,600                 | 8.40        |
| Perkhidmatan Proses Pelan Lesen / Permit | 26,000            | 11,000            | (15,000)                | (57.69)     |
| Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan       | 3,938,160         | 4,668,840         | 730,680                 | 18.55       |
| <b>Jumlah</b>                            | <b>29,521,720</b> | <b>30,351,330</b> | <b>829,610</b>          | <b>2.81</b> |

#### 6.3.4 Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit

- i. Hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit merupakan punca hasil kedua tertinggi di dalam kategori Hasil Bukan Cukai. Hasil Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit tidak mengalami sebarang peningkatan yang

mendadak memandangkan kadar fi lesen pada tahun 2020 adalah sama seperti tahun 2019.

- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit :-

| Butiran                                      | 2019<br>RM        | 2020<br>RM        | Tambah/<br>(Kurangan) |             |
|--|-------------------|-------------------|-----------------------|-------------|
|  |                   |                   | RM                    | %           |
| Lesen Iklan Tetap                            | 14,421,000        | 13,705,500        | (715,500)             | (4.96)      |
| Lesen Iklan<br>Sementara                     | 1,420,000         | 1,890,000         | 470,000               | 33.10       |
| Lesen Perubahan<br>Status Bangunan           | 800,000           | 850,000           | 50,000                | 6.25        |
| Lesen Perniagaan<br>Perusahaan               | 6,781,000         | 6,784,000         | 3,000                 | 0.04        |
| Lesen-Lesen<br>Perniagaan Industri           | 264,000           | 223,000           | (41,000)              | (15.53)     |
| Lesen Penjaja,<br>Gerai & Pasar              | 20,000            | 35,000            | 15,000                | 75.00       |
| Lesen Hiburan                                | 2,116,280         | 1,790,000         | (326,280)             | (15.42)     |
| Lesen Pusat<br>Perkhidmatan                  | 625,000           | 795,000           | 170,000               | 27.20       |
| Lain-Lain<br>Lesen/Pendaftaran<br>dan Permit | 2,080,000         | 2,560,000         | 480,000               | 23.08       |
| <b>Jumlah</b>                                | <b>28,527,280</b> | <b>28,632,500</b> | <b>105,220</b>        | <b>0.37</b> |

### 6.3.5 Sewaan

- i. Hasil sewaan pada tahun 2020 akan dianggarkan meningkat sebanyak RM8.7 juta daripada unjuran hasil pada tahun 2019 berjumlah RM16.157 juta kepada RM24.861 juta. Peningkatan yang ketara ini adalah sumber hasil baru yang dikenalpasti oleh Majlis iaitu sumber daripada permohonan penyewaan iklan di perhentian bas yang akan dibina baru di Petaling Jaya dan sewaan iklan di bahagian luaran dan dalaman bas (*PJ City Bus*). Mengikut Kajian Pelan Induk Perteduhan Bas, sebanyak 20 buah perteduhan akan dibina baru mengikut rekabentuk terbaru yang dicadangkan. Tawaran pengiklanan akan dibuat kepada mana-mana syarikat atau badan korporat yang berminat membuat pengiklanan promosi di perhentian bas yang terdapat di Petaling Jaya. Pemohon akan dikenakan caj sewaan.
- ii. Lain-lain peningkatan daripada punca hasil sewaan adalah seperti berikut :-

| Butiran                           | 2019<br>RM        | 2020<br>RM        | Tambah/<br>(Kurangan) |              |
|-----------------------------------|-------------------|-------------------|-----------------------|--------------|
|                                   |                   |                   | RM                    | %            |
| Sewa Pasar                        | 1,675,280         | 3,015,960         | 1,340,680             | 80.03        |
| Sewa Pejabat dan Kilang           | 1,810,900         | 1,960,020         | 149,120               | 8.23         |
| Sewa Kompleks Penjaja/Gerai       | 1,373,600         | 1,576,100         | 202,500               | 14.74        |
| Sewa Balairaya dan Dewan Komuniti | 1,148,740         | 1,389,680         | 240,940               | 20.97        |
| Sewa Kompleks Sukan               | 327,000           | 465,000           | 138,000               | 42.20        |
| Lain-Lain Sewaan                  | 9,821,900         | 16,453,940        | 6,632,040             | 67.52        |
| <b>Jumlah</b>                     | <b>16,157,420</b> | <b>24,860,700</b> | <b>8,703,280</b>      | <b>53.87</b> |

### 6.3.6 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Pada tahun 2020 punca hasil daripada Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan akan mengalami penurunan yang mendadak. Penurunan sebanyak RM5.880 juta berbanding anggaran tahun 2019 yang berjumlah RM23.285 juta kepada RM17.406 juta disebabkan oleh kadar pulangan simpanan tetap oleh bank-bank menurun dengan begitu banyak pada tahun 2019. Kadar-kadar simpanan tetap yang ditawarkan oleh bank adalah bergantung kepada kadar asas yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Selain itu, ia juga bergantung kepada jumlah

lebihan tunai yang dimiliki oleh Majlis untuk membuat simpanan tetap. Pada keadaan ekonomi sekarang, Majlis menjangkakan kadar yang ditawarkan oleh bank akan setara seperti yang diterima sekarang oleh Majlis atau lebih rendah.

#### 6.3.7 Denda dan kompaun

- i. Punca hasil daripaa denda dan kompaun akan meningkat sedikit sebanyak RM1.910 juta daripada tahun 2019 berjumlah RM17.235 juta kepada RM19.145 juta. Majlis melaksanakan beberapa pemantauan terutama daripada kesalahan binaan tanpa kebenaran dan juga kesalahan di bawah Jabatan Kawalan Bangunan. Kompaun daripada Jabatan Penguatkuasa akan meliputi semua kesalahan di Majlis terutama yang melibatkan kesalahan lalulintas.
  
- ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada denda dan kompaun :-

| Butiran   | 2019<br>RM | 2020<br>RM | Tambah/<br>(Kurangan) |         |
|---|------------|------------|-----------------------|---------|
|   |            |            | RM                    | %       |
| Bayaran Denda Pelan<br>Bangunan                               | 2,000,000  | 2,000,000  | -                     | -       |
| Bayaran Notis - Cukai<br>Taksiran                             | 3,000,000  | 2,800,000  | (200,000)             | (6.67)  |
| Bayaran Waran<br>Tahanan                                      | 600,000    | 615,000    | 15,000                | 2.50    |
| Denda Atas Kontrak<br>Kerja                                   | 1,145,000  | 1,160,000  | 15,000                | 1.31    |
| Bayaran Denda -<br>Perpustakaan MBPJ                          | 25,000     | 25,000     | -                     | -       |
| Denda Kesalahan<br>Menjalankan<br>Pemajuan Tanpa<br>Kebenaran | 150,000    | 250,000    | 100,000               | 66.67   |
| Caj Pentadbiran   | 200,000    | 200,000    | -                     | -       |
| Surcaj Kakitangan   | 2,700      | 2,000      | (700)                 | (25.93) |
| Denda Pelanggaran<br>Syarat Lesen Berisiko                    | 17,500     | 17,500     | -                     | -       |
| Denda Kesalahan<br>Binaan Tanpa<br>Kebenaran                  | -          | 400,000    | 400,000               | 100.00  |
| Caj Notis Peringatan  | -          | 800        | 800                   | 100.00  |
| Kompaun - Jabatan<br>Kesihatan                                | 265,000    | 285,000    | 20,000                | 7.55    |
| Kompaun - Unit<br>Kawal Selia                                 | 50,000     | 100,000    | 50,000                | 100.00  |

| Butiran                             | 2019<br>RM        | 2020<br>RM        | Tambahan/<br>(Kurangan) |              |
|-------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------------|--------------|
|                                     |                   |                   | RM                      | %            |
| Kompaun<br>Penguatkuasa             | 9,780,000         | 11,140,000        | 1,360,000               | 13.91        |
| Kompaun Jabatan<br>Kawalan Bangunan | -                 | 150,000           | 150,000                 | 100.00       |
| <b>Jumlah</b>                       | <b>17,235,200</b> | <b>19,145,300</b> | <b>1,910,100</b>        | <b>11.08</b> |

## 6.4 Terimaan Bukan Hasil

6.4.1 Terimaan Bukan Hasil merupakan terimaan daripada kerajaan dan juga terimaan bayaran balik berjumlah sebanyak RM9.34 juta dijangka akan diterima pada tahun 2020 seperti berikut:-

| Butiran                     | 2019<br>RM       | 2020<br>RM       | Tambahan      |             |
|-----------------------------|------------------|------------------|---------------|-------------|
|                             |                  |                  | RM            | %           |
| Caruman Bantuan Kadar       | 2,159,600        | 2,159,650        | 50            | -           |
| Geran Keseimbangan          | 5,000,000        | 5,000,000        | -             | -           |
| Pulangan Balik Perbelanjaan | 2,150,100        | 2,181,620        | 31,520        | 1.47        |
| <b>Jumlah</b>               | <b>9,309,700</b> | <b>9,341,270</b> | <b>31,570</b> | <b>0.34</b> |

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

## 7. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis pada tahun 2020 adalah dipecahkan seperti berikut:-

| Butiran                  | 2019<br>RM         | 2020<br>RM         | %<br>Agihan    | Tambahans/<br>(Kurangan) |               |
|--------------------------|--------------------|--------------------|----------------|--------------------------|---------------|
|                          |                    |                    |                | RM                       | %             |
| Perbelanjaan Mengurus    | 325,725,150        | 319,909,360        | 78.05%         | (5,815,790)              | (1.79)        |
| Perbelanjaan Pembangunan | 110,591,920        | 89,942,520         | 21.95%         | (20,649,400)             | (18.67)       |
| <b>Jumlah</b>            | <b>436,317,070</b> | <b>409,851,880</b> | <b>100.00%</b> | <b>(26,465,190)</b>      | <b>(6.07)</b> |

### 7.1 PERBELANJAAN MENGURUS

7.1.1 Penyediaan Bajet 2020 menggunakan kaedah *Zero Based Budgeting* tetapi masih mengekalkan elemen di dalam MBS. Untuk itu Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada tiga elemen utama seperti berikut:-

| Butiran       | 2019<br>RM         | 2020<br>RM         | Tambahhan/<br>(Kurangan) |               |
|---------------|--------------------|--------------------|--------------------------|---------------|
|               |                    |                    | RM                       | %             |
| Dasar Sediada | 311,484,540        | 316,773,560        | 5,289,020                | 1.70          |
| Dasar Baru    | 8,984,710          | -                  | (8,984,710)              | -             |
| 'One Off'     | 5,255,900          | 3,135,800          | (2,120,100)              | (40.34)       |
| <b>Jumlah</b> | <b>325,725,150</b> | <b>319,909,360</b> | <b>(5,815,790)</b>       | <b>(1.79)</b> |

7.1.2 Daripada jumlah tersebut ia boleh dipecahkan kepada 5 kategori Objek Sebagai seperti berikut:-

| Objek Sebagai                    | 2019<br>RM         | 2020<br>RM         | Tambahhan/<br>(Kurangan) |               |
|----------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------------|---------------|
|                                  |                    |                    | RM                       | %             |
| Emolumen                         | 123,242,280        | 122,975,470        | (266,810)                | (0.22)        |
| Perkhidmatan & Bekalan           | 192,101,830        | 186,742,970        | (5,358,860)              | (2.79)        |
| Aset                             | 3,700,600          | 2,625,800          | (1,074,800)              | (29.04)       |
| Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap | 1,454,080          | 1,444,010          | (10,070)                 | (0.69)        |
| Perbelanjaan Lain                | 5,226,360          | 6,121,110          | 894,750                  | 17.12         |
| <b>Jumlah</b>                    | <b>325,725,150</b> | <b>319,909,360</b> | <b>(5,815,790)</b>       | <b>(1.79)</b> |

### 7.1.3 Dasar Sedia Ada

Berdasarkan kepada peruntukan bajet perbelanjaan mengurus di bawah kategori Dasar Sedia Ada, pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

| Objek Sebagai                    | 2019<br>RM         | 2020<br>RM         | Tambahkan/<br>(Kurangan) |             |
|----------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------------|-------------|
|                                  |                    |                    | RM                       | %           |
| Emolumen                         | 120,578,680        | 122,975,470        | 2,396,790                | 1.99        |
| Perkhidmatan & Bekalan           | 184,255,420        | 186,232,970        | 1,977,550                | 1.07        |
| Aset                             | -                  | -                  | -                        | -           |
| Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap | 1,424,080          | 1,444,010          | 19,930                   | 1.40        |
| Perbelanjaan Lain                | 5,226,360          | 6,121,110          | 894,750                  | 17.12       |
| <b>Jumlah</b>                    | <b>311,484,540</b> | <b>316,773,560</b> | <b>5,289,020</b>         | <b>1.70</b> |

#### 7.1.7 One Off

'One Off' merupakan pembelian aset atau perbelanjaan yang tidak berulang. Pada tahun 2020 pembelian 'One Off' adalah meliputi perbelanjaan seperti berikut:-

| Objek Sebagai               | 2019<br>RM       | 2020<br>RM       | Tambahhan/<br>(Kurangan) |                |
|-----------------------------|------------------|------------------|--------------------------|----------------|
|                             |                  |                  | RM                       | %              |
| Perkhidmatan dan<br>Bekalan | 1,555,300        | 510,000          | (1,045,300)              | (67.21)        |
| Pembelian aset              | 3,700,600        | 2,625,800        | (1,074,800)              | (29.04)        |
| <b>Jumlah</b>               | <b>5,255,900</b> | <b>3,135,800</b> | <b>(2,120,100)</b>       | <b>(40.34)</b> |

Butiran terperinci pembelian Aset adalah seperti di Lampiran 1.

#### 7.1.8 Peratus Agihan Perbelanjaan Mengurus

Jika dilihat daripada pecahan peratusan perbelanjaan mengurus pula, peratus mengikut objek sebagai perbelanjaan mengurus adalah seperti berikut:

| Objek Sebagai                       | 2020<br>RM         | Peratus<br>%   |
|-------------------------------------|--------------------|----------------|
| Emolumen                            | 122,975,470        | 38.44%         |
| Perkhidmatan & Bekalan              | 186,742,970        | 58.37%         |
| Aset                                | 2,625,800          | 0.82%          |
| Pemberian & Kenaan<br>Bayaran Tetap | 1,444,010          | 0.45%          |
| Perbelanjaan Lain                   | 6,121,110          | 1.91%          |
| <b>Jumlah</b>                       | <b>319,909,360</b> | <b>100.00%</b> |

Butiran Objek Sebagai bagi Perkhidmatan dan Bekalan yang melebihi RM500,000 dan ke atas adalah seperti di Lampiran 2.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

## 7.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019 adalah seperti berikut:-

| Program   | 2019               | 2020              | Tambahan/<br>(Kurangan) |                |
|---|--------------------|-------------------|-------------------------|----------------|
